Of this total, 4.85 million hectares or 83.1% have been gazetted as Permanent Reserved Forests (PRFs) under the National Forestry Act, 1984. These PRFs are managed under the sustainable forest management principles practices for economic, social and environmental benefits.

FOREST RESOURCE MANAGEMENT

For the last 112 years, natural forest resources especially those found within the Permanent Forest Reserve (PFR) areas which include Inland Forest, Peat Swamp Forest and Mangrove Forest have been managed systematically since the year 1901.

The Malaysian Criteria and Indicators [MC&I(2002)] are standards adopted to assess management activities and forest development at Forest Management Unit (FMU) level for certification purposes. This certification according to MC&I standard was implemented since 1994 based on ITTO's Criteria and Indicators For Sustainable Forest Management. After revision, the document titled Malaysian, Criteria, Indicators, Activities and Standards of Performance (MC&I) for Forest Management Certification (FMU Level), Peninsular Malaysia or known as [MC&I (2001)] was published.

All the eight (8) FMUs involved with the forest management certification has undergone MC&I recertification Audit and MC&I Monitoring Audit as planned. All FMU states, namely Johore, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor and Terengganu have successfully retained the Forest Management Certification when audited by an Independent Certification Body or SIRIM QAS International Sdn. Bhd. and SGS (Malaysia) Sdn. Bhd.

PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN

Usaha-usaha gigih di dalam pembangunan hutan diteruskan bagi memastikan sumber hutan terus terpelihara dan fungsinya dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan hutan dapat dipertingkatkan dan dimanfaatkan secara berkekalan.

Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan terus disalurkan bagi membiayai pelaksanaan program-program pembangunan hutan. Peruntukan kewangan ini adalah terdiri daripada peruntukan Pembangunan Tahunan Persekutuan dan Negeri, Tabung Kumpulan Wang Pembangunan Hutan, Tabung Pembangunan Industri Kayu Kayan Malaysia dan sumber-sumber kewangan lain.

Sejumlah RM15.79 juta atau 99.1% daripada jumlah peruntukan tahunan di peringkat Persekutuan telah dibelanjakan dalam tahun 2013. Perbelanjaan ini adalah bagi pelaksanaan enam (6) projek utama di JPSM ke arah memperkasakan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Ini untuk memastikan sumber hutan negara berkekalan bagi kepentingan alam sekitar, ekonomi dan sosial.

Di peringkat Negeri pula, sejumlah RM51.66 juta atau 87.0% daripada jumlah peruntukan tahunan telah dibelanjakan.

Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan Hutan, 2013 (RM juta)

Forest Development Allocation and Expenditure, 2013 (RM million)

Persekutuan / Negeri State / Federal	Peruntukan Allocation	Perbelanjaan Expenditure	Peratus Percent (%)
Persekutuan / Federal	15.94	15.79	99.1
Negeri / State	59.38	51.66	87.0
JUMLAH / TOTAL	75.32	67.45	89.6

PEMULIHARAAN HUTAN & PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai

Sehingga tahun 2013, pencapaian keseluruhan penanaman adalah sebanyak 4.49 juta anak pokok yang meliputi kawasan seluas 1,418 hektar telah ditanam di bawah Program Penanaman

FOREST RESOURCE DEVELOPMENT

Concerted efforts will continue to be intensified to ensure that the forest resources are conserved and their functions to produce forest goods and services are sustained and their benefits realised in perpetuity.

Allocations from Federal and State Government will continue to be channelled to finance the implementation of forest development programmes. These financial allocations comprised of Federal and States' Annual Development Budget, State Forest Development Fund, Timber Industry Development Fund and other financial sources.

A total of RM15.79 million representing 99.1% of the annual Federal allocation was spent in 2013. These expenditures are for the implementation of six (6) development projects in the FDPM to further strengthen the practices of SFM. This is to ensure the country's forest resources are managed sustainably in the interests of environmental, economic and social benefits.

At the State level, a total of RM51.66 million representing 87.0% of the annual allocation was spent.

FOREST CONSERVATION & ENVIRONMENTAL PROTECTION

Coastal Forest Conservation

By the end of 2013, a total of 4.49 million seedlings covering an area of 1,418 hectares were planted under the Programme for the Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Species Along



Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara.

Sejumlah 44 kempen kesedaran telah pun diadakan di bawah program ini di seluruh negara. Kempen ini melibatkan pelbagai lapisan masyarakat yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan hutan pesisiran pantai serta memupuk semangat “milik bersama” terhadap kesejahteraan alam sekitar.

Pihak Jabatan juga telah menerbitkan Laporan Tahunan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesis-Spesis yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara 2013 pada tahun ini.

Pada setiap tahun, Majlis Hari Hutan Antarabangsa disambut pada 21 Mac. Pada tahun ini, sambutan majlis ini telah diadakan di Kampus Pekan, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Pahang dengan bertemakan ‘Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat’, ia merupakan usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menghijaukan bumi.

Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan

Dalam usaha meningkatkan pengetahuan saintifik dan pendokumentasian komposisi biodiversiti di dalam kawasan HSK, JPSM telah menjalankan satu (1) ekspedisi iaitu Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Flora di Hutan Paya Laut Merbok, Kedah pada 18-22 Ogos 2013. Ekspedisi ini merupakan siri ekspedisi yang ke-25 anjuran JPSM sejak tahun 1999.

Satu (1) Seminar Ekspedisi Sainifik telah diadakan iaitu Seminar Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan Gunung Tebu, di Kuala Terengganu, Terengganu.

Satu (1) buku Prosiding Seminar juga telah diterbitkan iaitu prosiding bagi ekspedisi di Banjaran Bintang, Gunung Inas, Kedah.

PENGUSAHASILAN HUTAN

Kawasan Dilesenkan untuk Pengusahasilan

Seluas 37,833 hektar kawasan HSK yang diurus berdasarkan Amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan telah diusahasilkan dalam tahun 2013.

the National Coastline.

A total of 44 awareness campaigns were conducted under this programme throughout the country. This campaign involved various communities with the purpose to enhance public awareness on the importance of coastal forests as well as to instill the spirit of ‘common ownership’ for environmental wellbeing.

The Department also published a book related to the programme that is Annual Report on Programme for the Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline 2013.

The International Day of Forests is celebrated on 21 March every year. This year the celebration was held at Kampus Pekan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) with the theme “Forest for Community Livelihood”, it marks an effort to increase community awareness and helps in greening the earth.

Forest Biological Diversity Scientific Expedition

In the efforts to enhance the scientific knowledge base and documentation of biodiversity composition in PRFs, the Department conducted an expedition namely Scientific Expedition on Biodiversity of Flora at Merbok Mangrove Forest, Kedah on 8 -22 August 2013. This expedition was the 25th expeditions organised by FDPM since 1999.

One (1) Scientific Expedition Seminar was held which is Seminar on the Scientific Expedition of Forest Biological Diversity of Gunung Tebu at Kuala Terengganu, Terengganu.

One (1) Seminar Proceeding namely the Proceedings for the Scientific Expedition of Forest Biological Diversity of Bintang Range, Gunung Inas, Kedah was published.

FOREST HARVESTING

Area Licensed for Harvesting

An area of 37,833 hectares of PRFs that was managed based on Sustainable Forest Management practices were harvested in 2013. This represented

Keluasan ini merupakan 93.8% daripada jumlah Catuan Tebangan Tahunan yang ditetapkan iaitu 40,334 hektar. Selain daripada itu, Hutan Tanah Kerajaan seluas 21,535 hektar dan Tanah Bermilik seluas 9,161 hektar turut diusahakan.

93.8% of the total Annual Allowable Cut approved amounting to 40,334 hectares. In addition, an area of 21,535 hectares of State Land Forest and 9,161 hectares of Alienated Land were also harvested.

Kawasan Dilesenkan untuk Pengusahakan, 2013 (Hektar)

Area Licenced for Harvesting, 2013 (Hectares)

Jenis Hutan / Forest Type	Hektar / Hectares	Peratus / Percent (%)
Hutan Simpan Kekal <i>Permanent Reserved Forest</i>		
• CTT	37,833	47.2
• Luar CTT / <i>Outside ACC*</i>	11,683	14.6
Hutan Tanah Kerajaan / <i>State Land Forest</i>	21,535	26.8
Tanah Bermilik / <i>Alienated Land</i>	9,161	11.4
JUMLAH / TOTAL	80,212	100.0

* Keluasan HSK yang diusahakan secara tebang habis untuk tujuan penyelidikan, pembangunan dan perladangan hutan

* PRF clear-felled for research, development and forest plantation

PENGELUARAN

Dalam tahun 2013, kesemua pengeluaran hasil kayu terpilih mencatatkan pengurangan melainkan veneir yang mencatat kenaikan sebanyak 49.0%. Pengurangan peratus pengeluaran kayu balak, kayu gergaji, papan lapis dan kayu kumai masing-masing adalah sebanyak 8.6%, 10.3%, 8.4% dan 68.6%.

PRODUCTION

In 2013, the production of all selected timber products recorded decreases with the exception of veneer which recorded the highest decrease with 49.0%. The percentage decreases in the production of log, sawn timber, plywood and moulding were 8.6%, 10.3%, 8.4% and 68.6% respectively.

Pengeluaran Hasil Kayu Terpilih

Production of Selected Timber Products (m³)

Industri <i>Industry</i>	2013	2012	Perubahan Tahunan <i>Annual Change</i> 2013/2012 (%)
Kayu Balak / <i>Log</i>	4,084,454	4,467,667	-8.6
Kayu Gergaji / <i>Sawn Timber</i>	2,501,722	2,790,071	-10.3
Papan Lapis / <i>Plywood</i>	380,518	415,466	-8.4
Veneir / <i>Veneer</i>	92,016	61,774	+49.0
Kayu Kumai / <i>Moulding</i>	76,672	243,968	-68.6

INDUSTRI BERASAS KAYU

Sebanyak 2,749 kilang pemprosesan berasaskan kayu berlesen telah direkodkan pada tahun 2013. Daripada tujuh (7) jenis industri yang disenaraikan mengikut jadual di bawah, kilang perabot/kilang kerja kayu/pertukangan & tanggaman telah mencatatkan bilangan terbesar dan diikuti oleh kilang papan.

WOOD-BASED INDUSTRIES

A total of 2,749 licenced wood-based processing mills were recorded in 2013. Of the seven (7) types of industries listed in the following table, the furniture/wood working/carpentry and joinery mills were the largest followed by sawmills.

Bilangan Industri Berasas Kayu Utama Number of Major Wood-Based Industries 2013

Jenis Industri / Types of Industry	Bilangan / Number
Kilang Papan / Sawmill	671
Kilang Papan Lapis & Venir / Plywood & Veneer Mill	53
Kilang Kayu Kumai / Moulding Mill	167
Perabot/ Kilang Kerja Kayu/ Pertukangan & Tanggaman * Furniture/ Wood Working/ Carpentry & Joinery Mill	1,829
Kilang Papan Blok / Blockboard Mill *	1
Kilang Papan Serpai/ Papan Serpih * Chipboard Mill/ Moulded Particleboard Mill	19
Kilang Papan Gentian Sederhana Padat (MDF) Medium Density Fibreboard (MDF) Mill *	9

* Merujuk hanya kepada Kilang Perabot, Pertukangan & Tanggaman yang berdaftar dengan JPSM

* Refer to only registered Furniture, Wood Working & Joinery Factories with FDPMM

SUMBANGAN SOSIOEKONOMI

Sumbangan Kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Sektor perhutanan telah menyumbang sebanyak RM8.50 bilion atau 0.9% daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia sebanyak RM984.45 bilion dalam tahun 2013.

Perdagangan Produk Kayu-Kayan

Pada tahun 2013, jumlah pendapatan eksport produk kayu-kayan Malaysia telah berkurangan sebanyak 2.9% kepada RM19.33 bilion berbanding tahun 2012 (RM19.9 bilion). Ianya merupakan 2.7% dari jumlah hasil eksport kasar iaitu f.o.b. RM719.82 bilion.

Bagi Semenanjung Malaysia, eksport produk kayu-kayan tidak termasuk produk pertukangan & tanggaman adalah berjumlah RM3.12 bilion telah mencatatkan peningkatan sebanyak 0.6% berbanding RM3.10 bilion pada tahun 2012.

Kutipan Hasil Hutan Kepada Kerajaan Negeri

Kutipan hasil hutan diperolehi daripada royalti, premium, ses, kompaun kesalahan hutan, pampasan dan lain-lain caj/fi. Hasil ini telah menyumbang RM333.66 juta kepada kerajaan negeri pada tahun 2013.

SOCIOECONOMIC CONTRIBUTIONS

Contribution to Gross Domestic Product (GDP)

The forestry sector contributed RM8.50 billion or 0.9% of Malaysia's Gross Domestic Product of RM984.45 billion in 2013

Timber Products Trade

The total export earnings from Malaysian timber products in 2013 decreased by 2.9% to RM19.33 billion as compared to RM19.9 billion in 2012. This accounted for 2.7% of the total gross export earnings at f.o.b. RM719.82 billion.

For Peninsular Malaysia, export of timber products excluded carpentry & joinery product amounted to RM3.12 billion, an increase of 0.6% as compared to RM3.10 billion in 2012.

Forest Revenue Collection To The State Government

Forest revenues are derived from royalties, premiums, cess, forest offence fines, compensations and other charges/fees. The forest revenue contributed RM333.66 million to the state coffers in 2013.

Pekerjaan Hasil Hutan Kepada Kerajaan Negeri

Kutipan hasil hutan diperolehi daripada royalti, premium, ses, kompaun kesalahan hutan, pampasan dan lain-lain caj/fi. Hasil ini telah menyumbang RM333.66 juta kepada kerajaan negeri pada tahun 2013.

Forest Revenue Collection to the State Government

Forest revenues are derived from royalties, premiums, cess, forest offence fines, compensations and other charges/fees. The forest revenue contributed RM333.66 million to the state coffers in 2013.

Gunatenaga Secara Langsung Dalam Sektor Perhutanan di Semenanjung Malaysia

Total Direct Employment in the Forestry Sector in Peninsular Malaysia

Jenis Type	2013	2012	Perubahan Tahunan Annual Change 2013/2012 (%)
Pengusahasilan Hutan Forest Harvesting	6,574	6,242	5.3
Kilang Papan / Sawmill	15,329	17,457	-12.2
Papan Lapis/Venir Plywood/ Veneer	4,725	4,534	4.2
Kayu Kumai / Moulding	2,089	3,846	-45.7
Penjawat Awam Public Service	5,308	5,364	-1.1
JUMLAH / TOTAL	34,025	37,443	-10.0

Jumlah Pelaburan

Jumlah pelaburan dalam industri kayu gergaji, papan lapis dan kayu kumai di Semenanjung Malaysia berdasarkan nilai harta tetap pada tahun 2013 adalah RM2.66 bilion. Ia mencatatkan pengurangan sebanyak RM1.86 bilion atau 0.1% berbanding dengan tahun 2012.

Total Investment

The total investment in the sawmill, plywood and moulding industries in Peninsular Malaysia in terms of fixed assets amounted to RM2.66 billion in 2013. It recorded a decrease of RM1.86 billion or 0.1% as compared to 2012.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Seramai 4,801 staf JPSM telah mendapat manfaat dari pelbagai aktiviti latihan yang meliputi pelbagai bidang seperti kenegaraan, teknikal, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, teknologi maklumat dan kaunseling/psikologi di sepanjang tahun 2013. Ini melibatkan kehadiran staf di dalam 395 kursus dalam dan luar negara seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah.

HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

A total of 4,801 staff of FDPM had benefited from the various training activities comprising various fields such as nationhood, technical, human resource management, financial management, information technology and counseling/psychology conducted throughout 2013. This involved the participation in 395 courses by the staff both at local and international levels as shown in the table below.

Selain daripada itu, seramai 76 pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2012/2013 di Institut Latihan Perhutanan, Kepong (FORTRAIN) telah menamatkan latihan mereka pada tahun 2013. Manakala seramai 34 orang pelatih Kursus

In addition, a total of 76 trainees of the Forestry Forester Certificate Course for the 2012/2013 Session have completed their training at the Forestry Training Institute, Kepong (FORTRAIN) in 2013. Meanwhile, 34 trainees of the Forestry Ranger

Sijil Perhutanan Renjer Hutan bagi sesi 2012/2014 dan 74 orang pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan sesi 2013/2014 masih menjalani latihan.

Certificate Course for the 2012/2014 session and 74 trainees of the Forestry Forester Certificate Course for the 2013/2014 sessions are still in training.

Program Latihan

Training Programme 2013

Kategori / Category	Dalam Negeri	Luar Negara
Kursus/ Lawatan Belajar Course/ Study Tour	152	14
Bengkel/ Seminar Workshop/ Seminar	136	11
Persidangan / Conference	13	4
Taklimat/ Mesyuarat Briefing/ Meeting	21	18
Ekspedisi / Expedition	2	-
Simposium/ Forum/ Kongres Symposium/ Forum/ Congress	-	3
Dialog/ Kolokium/ Syarahan Am Dialogue/ Colloqium/ Public Lecture	20	1



ARTIKEL

ARTICLES



Khazanah Hutan

Forest Treasures

Senjata

Weapons



Warisan Asli Dan Warisan

Sebagai satu komuniti yang hidup dalam hutan dengan meliputi kawasan alam Peranan

(vii) Mengawal hakisan

Tumbuhan semula jadi juga berfungsi sebagai penghalang hakisan semulajadi yang efektif. Alat-kumbuhan mencengkam dan mengikat tanah seterusnya membantu menstabilkan tanah, terutama di kawasan cemar yang curam.

(viii) Eko-pelancongan

Eko-pelancongan adalah usaha kerajaan untuk melindungi dan memulihara alam sekitar sambil mempromosikan pelancongan. Eko-pelancongan juga dirangka untuk meningkatkan pendapatan dan mengawal persekitaran berdasarkan

Forest as a heritage

Forests as a heritage



ARTIKEL 1 - 4

ARTICLES



Kepentingan Pembangunan Koridor Ekologi Gerik, Perak

The Importance on the Development of Gerik Ecological Corridor, Perak

Fragmentasi hutan dan kehilangan habitat telah dikenal pasti sebagai salah satu ancaman yang memberi kesan terhadap pemeliharaan biodiversiti hutan negara. Kehilangan biodiversiti hutan ini juga turut mengancam sumber bekalan makanan, peluang ekopelancongan dan lain-lain fungsi ekologi yang sangat penting.

Menyedari akan keperluan untuk menangani isu kritikal ini khususnya yang melibatkan kawasan-kawasan hutan di Semenanjung Malaysia, pihak kerajaan telah bersetuju untuk menyambungkan kawasan hutan yang terpisah menerusi penubuhan rangkaian koridor ekologi dalam kawasan yang dikenali sebagai *Central Forest Spine (CFS)*. Tanggungjawab ini telah ditekankan dengan jelas dalam Dasar 23, Rancangan Fizikal Negara Ke-2 (RFN2) yang menyatakan keperluan mewujudkan kawasan CFS bagi membentuk tulang belakang jaringan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Di bawah inisiatif RFN2 ini, empat (4) kompleks hutan utama yang terpisah akan disambungkan semula untuk membentuk CFS yang mengunjur dari utara hingga ke selatan landskap Semenanjung Malaysia. Kompleks hutan utama di Semenanjung Malaysia adalah:

- Banjaran Titiwangsa-Banjaran Bintang-Kedah-Singgora (Kompleks 1);
- Taman Negara-Banjaran Timur (Kompleks 2);
- Tanah Lembap Pahang Tenggara, Tasik Chini dan Tasik Bera (Kompleks 3); dan
- Taman Negara Endau Rompin-Rezab Hidupan Liar Kluang (Kompleks 4).

Dalam RFN2, dianggarkan seluas 5.3 juta hektar atau 40% keluasan Semenanjung Malaysia adalah kawasan CFS. Daripada jumlah tersebut, 80% merupakan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Forest fragmentation and habitat loss has been identified as one of the threats that contribute negative implications towards the conservation of the country's forest biodiversity. The loss of forest biodiversity also threatens the source of food supplies, the opportunities for eco-tourism and other important ecological functions.

Realising the needs to overcome these critical issues which specifically involve forested areas in Peninsular Malaysia, the government had agreed to connect these fragmented forest areas with the establishment of the ecological corridor in the area known as Central Forest Spine (CFS). This responsibility has been clearly emphasised in Policy 23 of the Second National Physical Plan (NPP-2) which states the need to create the CFS area that forms the backbone of the Environmentally Sensitive Area (ESA) network.


Under the NPP-2 initiatives, four (4) main fragmented forest complexes will be connected to form the CFS that extends from the north to the south of Peninsular Malaysia's landscape. The main forest complexes in Peninsular Malaysia are:

- Titiwangsa Range - Bintang Range-Kedah-Singgora (Complex 1);
- National Park-Eastern Range (Complex 2);
- Southeast Pahang Wetlands, Tasik Chini and Tasik Bera (Complex 3); and
- Endau Rompin National Park – Kluang Wildlife Reserve (Complex 4).

In the NPP-2, it is estimated that 5.3 million hectares or 40% of the land area of Peninsular Malaysia is CFS area. Of this total, 80% is Permanent Reserved Forest (PRF).



Rajah 1: Kompleks Hutan dalam CFS
Diagram 1: Forest Complexes in CFS



Bagi memastikan pelaksanaan CFS ini berjaya dilaksanakan, satu Pelan Induk Koridor Ekologi CFS telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) pada tahun 2010 sebagai panduan dalam pelaksanaan CFS yang melibatkan pewujudan 37 koridor ekologi terdiri daripada 17 *Primary Linkages* (PL) dan 20 *Secondary Linkages* (SL) di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia seperti di **Jadual 1**.

To ensure the successful implementation of the CFS, a CFS Ecological Corridor Master Plan was prepared by the Department of Town and Country Planning (JPBD) in 2010 as a guide for the implementation of the CFS which involves the creation of 37 ecological corridors consisting 17 *Primary Linkages* (PL) and 20 *Secondary Linkages* (SL) in the states of Peninsular Malaysia as shown in **Table 1**.

Jadual 1: Koridor Ekologi mengikut negeri di Semenanjung Malaysia

Table 1: Ecological Corridor by state in Peninsular Malaysia

NEGERI STATE	KORIDOR EKOLOGI ECOLOGICAL CORRIDOR		
	PL	SL	JUMLAH / TOTAL
KEDAH	1	3	4
PERAK	5	3	8
KELANTAN	1	4	5
TERENGGANU	2	2	4
PAHANG	6	3	9
JOHOR	2	2	4
SELANGOR		1	1
NEGERI SEMBILAN		2	2
JUMLAH / TOTAL	17	20	37

Pelaksanaan CFS dilakukan dengan menggunakan pendekatan pembangunan seimbang selaras dengan Prinsip Sustainable Development dan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan melibatkan empat (4) komponen utama yang meliputi:

- Pengkalan kawasan berhutan;
- Pengurusan Hutan Secara Berkekalan;
- Program pemulihan hutan; dan
- Pembangunan koridor ekologi.

Pelaksanaan Pelan Induk Koridor Ekologi CFS ini telah dimandatkan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dengan penglibatan secara bersepadu antara agensi-agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri di mana Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bertindak sebagai agensi pelaksana utama. Bagi memastikan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek-projek CFS dapat dilaksanakan secara berkesan, satu Kerangka Kerja Institusi yang teratur telah diwujudkan iaitu Jawatankuasa Pemandu Nasional Pelaksanaan CFS, Jawatankuasa Teknikal Nasional Pelaksanaan CFS dan Jawatankuasa Kerja Teknikal Negeri Pelaksanaan CFS.

Sebagai inisiatif permulaan dalam melaksanakan Pelan Induk Koridor Ekologi CFS, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan kewangan sebanyak RM60 juta untuk pelaksanaan Projek Pembangunan Koridor Ekologi di kawasan PL2: Hutan Simpan Temengor-Taman Negeri Belum DiRaja di Gerik, Perak. Terdapat dua (2) komponen utama di bawah peruntukan projek ini iaitu Komponen Program Konservasi Biodiversiti dan Komponen Pembangunan Infrastruktur yang melibatkan pembinaan sebuah viaduct. Projek ini

The implementation of CFS would be conducted using the balanced development approach which is in line with Sustainable Development Principles and Sustainable Forest Management involving four (4) main components:

- Retention of forested area;
- Sustainable Forest Management (SFM);
- Forest rehabilitation program; and
- Ecological corridor connectivity.

The CFS Ecological Corridor Master Plan is mandated to the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE) with integrated involvement of agencies at Federal and State levels where the Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) acts as the main implementing agency. To ensure that the planning, implementation and monitoring of CFS projects are implemented effectively, an Institutional Framework comprising the National Steering Committee on Implementation of CFS, National Technical Committee and State Technical Working Committee for the Implementation of CFS was established.


As an initial initiative in the implementation of the CFS Ecological Corridor Master Plan, the Federal Government has allocated RM60 million to finance the Ecological Corridor Development Project in PL2 area: Temenggor Forest Reserve – Royal Belum State Park in Gerik, Perak. The two (2) main components under this project are Biodiversity Conservation Program and Infrastructure Development involving the construction of a viaduct. This pilot project



merupakan satu projek perintis yang melibatkan tempoh pelaksanaan selama empat (4) tahun bermula dari tahun 2012 hingga 2015.

involves an implementation period of four (4) years from 2012 to 2015.

Kawasan PL2: Hutan Simpan Temenggor – Taman Negeri DiRaja Belum di Gerik, Perak
 PL2 Area: Temenggor Forest Reserve – Royal Belum State Park at Gerik, Perak



Bagi melaksanakan projek ini, satu Jawatankuasa Kerja Ecological Linkages CFS Gerik, Perak telah ditubuhkan untuk menyelaras dan memantau pelaksanaannya. Jawatankuasa Kerja ini yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di mana ahli-ahlinya terdiri daripada wakil Kementerian, agensi-agensi kerajaan berkaitan di peringkat Persekutuan dan Negeri Perak.

To coordinate and monitor the implementation of this project, a Working Committee on CFS Gerik Ecological Linkages, Perak was established. This working committee is chaired by the Director-General of Forestry Peninsular Malaysia with members consisting of representatives from the Ministries, relevant government agencies at Federal level and Perak state.

Di antara aktiviti-aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan di bawah peruntukan projek ini adalah seperti:

Among the activities that had been successfully implemented under this project are as follows:

- Pengurusan Konflik Hidupan Liar melalui Pemasangan Kolar Satelit;
- Kajian Pengembangan Sosio-Ekonomi berasaskan Perkhidmatan Hutan;
- Pemantauan Taburan Hidupan Liar melalui Penggunaan Kamera Perangkap;
- Perolehan Peta Remote Sensing dan Peta Berdigit;
- Kajian Perubahan Habitat Flora di Kawasan

- *Wildlife Conflict Management via installation of Satellite Collar;*
- *Socio-Economic Development Studies based on Forest Services;*
- *Monitoring of Wildlife Distribution using Camera Traps;*
- *Acquisition of Remote Sensing and Digital Maps;*
- *Review of Flora Habitat Change in the Ecological*



- Koridor;
- Kajian Perubahan Habitat Fauna di Kawasan Koridor Ekologi; dan
- Pemulihan habitat seluas 54 hektar.

Melalui aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan ini, faedah-faedah yang dijangkakan akan diperolehi adalah seperti:

- Menyediakan ruang dan laluan untuk pergerakan hidupan liar menerusi viaduct;
- Meningkatkan kesedaran di kalangan komuniti tentang kepentingan pemeliharaan hidupan liar;
- Mewujudkan kesedaran kepada masyarakat setempat, kesan daripada penubuhan CFS dari segi peningkatan dalam pendapatan isi rumah;
- Mempromosikan kawasan koridor ekologi sebagai Jumbo Trail selari dengan National Ecotourism Master; dan
- Memudahkan pemantauan pergerakan hidupan liar di koridor ekologi bagi tujuan penguatkuasaan dan pengawalan daripada pemburu haram.

Di samping itu, terdapat juga beberapa pencapaian yang telah diperolehi sepanjang pelaksanaan projek ini dilaksanakan seperti:

- Pewartaan kawasan koridor ekologi PL2: Hutan Simpan Temengor- Taman Negeri Belum DiRaja sebagai HSK;
- Persidangan *Central Forest Spine Perak: The Offing Of The State's Biodiversity Bastion*; dan
- Program Penanaman Pokok, Amanjaya: *Future Carbon Stocking and Cleaner Environment in a Biodiversed Forest*.

Pembangunan Koridor Ekologi Gerik, Perak sangat penting dalam pelaksanaan inisiatif CFS yang akan melengkapkan dan seterusnya meninggikan usaha-usaha sedia ada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dalam pemuliharaan biodiversiti hutan negara. Walaubagaimanapun inisiatif CFS agak baru di Malaysia dan JPSM hanya berada pada awal perjalanan jauh untuk mencapai objektif-objektifnya. Terdapat banyak halangan dan isu-isu lain yang berkaitan dalam proses melaksanakan inisiatif CFS ini. Semoga dengan penglibatan dan komitmen semua agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri, institusi penyelidikan, universiti dan NGO dapat menyumbang kepada pencapaian matlamat akhir JPSM dalam melaksanakan inisiatif CFS.

- *Corridor Area;*
- *Review of Fauna Habitat Change in the Ecological Corridor Area; and*
- *Habitat rehabilitation of 54 ha*

The expected benefits from the activities that have been implemented are:

- *Providing space and trails for the movement of wildlife through the viaduct;*
- *Raising awareness among the community on the importance of wildlife conservation;*
- *Creating awareness to the local community regarding the impact of the establishment of the CFS in terms of an increase in household income;*
- *Promoting ecological corridor such as Jumbo Trail in line with the National Ecotourism Master; and*
- *Facilitating the monitoring of the movement wildlife at ecological corridor for the purpose of enforcement and regulation of poachers.*

In addition, some achievements achieved through the implementation of the project, are:

- *Gazetting Ecological Corridor PL2 area: Temenggor Forest Reserve – Royal Belum State Park as PRF;*
- *The Conference On Perak's Central Forest Spine: The Offing Of The State's Biodiversity Bastion; and*
- *Amanjaya Tree Planting Program: Future Carbon Stocking and Cleaner Environment in a Biodiversed Forest.*

The development of the Gerik Ecological Corridor, Perak is very important for the implementation initiative of the CFS that will complement and further enhance the existing efforts by FDPM in the biodiversity conservation of the national forest. However, CFS is a relatively new initiative in Malaysia and FDPM is at the beginning of a long journey to achieve its objectives. There are many obstacles and other issues related to the process of implementing this CFS's initiative. Hopefully, with the involvement and commitment of all government agencies at the Federal and State levels, research institutions, universities and NGOs will contribute to the achievement of the ultimate objective of FDPM in initiating the CFS.

Persidangan CFS Perak dan sesi menandatangani MOU antara kerajaan Negeri Perak dengan Tropical Rainforest Conservation and Research Centre Bhd (TRCRC)
Conference on Perak's Central Forest Spine and the signing of MOU between the Perak State Government and the Tropical Rainforest Conservation and Research Centre Bhd. (TRCRC)



Program Penanaman Pokok, Amanjaya: Future carbon stocking and cleaner environment in a biodiversed forest
Amanjaya tree planting programme: Future carbon stocking and cleaner environment in a biodiversed forest



Arboretum Kebangsaan Hutan Simpan Sg. Besi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur


*National Arboretum of Sg. Besi Forest Reserve
Federal Territory of Kuala Lumpur*

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menubuhkan Arboretum Kebangsaan Kuala Lumpur (AKKL) pada 1 Mac 2013. Penubuhan arboretum ini adalah bertujuan untuk memelihara dan memulihara kepelbagaian biodiversiti flora dan fauna yang terdapat di dalam kawasan seluas 42.29 hektar yang terletak di dalam Hutan Simpan Sungai Besi. Arboretum ini adalah bersempadan dengan kawasan Kem Tentera Sungai Besi di sebelah barat dan kawasan perumahan di bahagian utara, timur dan selatannya. Kawasan arboretum ini merupakan antara hutan tanah pamah yang masih terdapat di Semenanjung Malaysia.

Fokus utama penubuhan arboretum ini adalah untuk mewujudkan sebuah kawasan hijau di Kuala Lumpur berkonsepkan muzium hidup (*living museum*) berlandaskan aktiviti konservasi, pendidikan dan ekopelancongan. Strategi serta program pengurusan dan pembangunan di kawasan arboretum ini telah dirumuskan di dalam Rancangan Pengurusan Arboretum Kebangsaan Hutan Simpan Sungai Besi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2013 – 2022).

Pada masa ini, JPSM telah melaksanakan inventori dan pemetaan (**Rajah 1**) ke atas semua pokok-pokok yang berdiameter 30 cm dan ke atas, yang mana sejumlah 1,857 pokok yang melibatkan 39 famili dan 92 genus spesies tumbuhan telah direkodkan.

On 1st March 2013, the National Arboretum of Kuala Lumpur (AKKL) was established by the Forestry Department of Peninsular Malaysia (FDPM). The aim for the establishment is to conserve and preserve the flora and fauna biodiversity found in the 42.29 hectares area located in the Sg. Besi Forest Reserve. The arboretum is bordered by the Sungai Besi Army Camp to the west and residential areas in the north, east and south. It is one of the remaining lowland forests in Peninsular Malaysia.




The main focus for the establishment of the arboretum is to create a green area in Kuala Lumpur with the concept of a living museum based on the activities of conservation, education and ecotourism. The strategy, development management programme in the arboretum has been formulated in the National Arboretum of Sungai Besi Forest Reserve Kuala Lumpur Management Plan (2013-2022).

Currently, FDPM has conducted an inventory and mapping (**Figure 1**) of all trees having diameters 30 cm and above, where a total of 1,857 trees involving 39 families and 92 genera of plant species have been recorded.

Rajah 1 : Taburan Pokok Dalam Kawasan AKKL

Figure 1: Tree Distribution in AKKL Area



Selain daripada itu, sejumlah 17 famili dan 39 spesies paku pakis dan 20 famili pemanjat seperti Connaraceae, Leguminosae, Annonaceae dan Melastomataceae. Turut ditemui di arboretum ini adalah akar pemanjat yang terbesar berdiameter 30 cm iaitu spesies *Ventilago malaccensis* daripada famili Rhamnaceae.

In addition, a total of 17 families and 39 species of ferns and 20 families of climbers such as Connaraceae, Leguminosae, Annonaceae and Melastomataceae are found in the area. Also found, is the biggest climber *Ventilago malaccensis* species from the Rhamnaceae family.



Di samping itu, terdapat lapan (8) spesies flora endemik yang telah direkodkan di dalam arboretum ini seperti di **Jadual 1**.

There are also eight (8) species of endemic flora recorded in the arboretum as shown in **Table 1**.

Jadual 1 : Spesies Flora Endemik di AKKL

Table 1: Endemic Flora Species in AKKL

Bil. No.	Famili Family	Nama Saintifik Scientific Name	Nama Tempatan Local Name
1.	Ebenaceae	<i>Diospyros argentea</i> Griff	Bedil lalat
2.	Gesneriaceae	<i>Cyrtandra cupulata</i> Ridl.	Meroyan kabut
3.	Guttiferae	<i>Garcinia maingayi</i> Hook. f.	Kandis
4.	Sapotaceae	<i>Palaquium maingayi</i> (Clarke) King & Gamble	Nyatoh tembaga
5.	Palmae	<i>Daemonorop propinqua</i> Becc	Rotan
6.	Palmae	<i>Eugeissona tristis</i> Griff.	Bertam
7.	Palmae	<i>Korthalsia lanceolata</i> J. Dransf.	Rotan dahan
8.	Zingiberaceae	<i>Elettariopsis curtisii</i> Baker	Kersing

Selain daripada kepelbagaian flora, kawasan arboretum ini juga mempunyai fauna seperti kelawar, tupai, tikus, primat dan burung. Spesies burung yang dilindungi sepenuhnya oleh Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 turut terdapat di arboretum ini seperti Burung Pikau, Burung Hantu, Burung Sewah dan Burung Perenjak.

Apart from the flora diversity, the area also comprises fauna such as bats, squirrels, mice, primates and birds. Bird species that is fully protected by the Wildlife Conservation Act 2010 found in the arboretum are Quail, Owl, Burung Sewah and Burung Perenjak.



Langkah penubuhan AKKL tentunya bukan sahaja akan berfungsi sebagai muzium hidup tetapi juga memberi peluang kepada masyarakat untuk menghayati suasana alam semulajadi hutan hujan tropika tanah pamah di Kuala Lumpur. Justeru, JPSM akan terus membangunkan kawasan AKKL ini ke arah menjadikannya sebagai ikon pelancongan alam semulajadi di kotaraya pada masa akan datang.

The establishment of AKKL not only serves as a living museum but also provides an opportunity for the community to appreciate the natural environment of lowland tropical rainforest in Kuala Lumpur. Hence, FDPM will continue to develop AKKL towards making it an icon of nature tourism in the city, for the future.

Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2013

The National Level International Day of Forests 2013 Celebration

Majlis sambutan Hari Hutan Antarabangsa (HHA) Peringkat Kebangsaan Tahun 2013 telah diadakan di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kampus Pekan pada 21 Mac 2013. Buat pertama kalinya sambutan HHA diadakan bagi menggantikan Hari Perhutanan Sedunia selaras dengan resolusi yang telah dibuat oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 28 November 2012. Sambutan HHA ini akan diadakan pada 21 Mac setiap tahun untuk memberi kesedaran kepada masyarakat ke atas betapa pentingnya memelihara khazanah hutan negara untuk generasi masa kini dan masa hadapan.

The National Level International Day of Forests (IDF) 2013 celebration was held at Kampus Pekan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) on 21 March, 2013. For the first time, IDF was celebrated to replace the World Forestry Day in accordance with the resolution made by the United Nations General Assembly on 28 November 2012. IDF will be celebrated on March 21st every year to raise awareness of the community on the importance of conserving the national forests for the present and future generations.



Tanaman pokok sempena Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2013
Tree planting during International Day of Forests 2013

Tema sambutan HHA tahun 2013 adalah 'Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat' bertepatan dengan usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan memelihara dan memulihara khazanah hutan negara untuk kesejahteraan serta pembangunan sosioekonomi masyarakat. Kawasan UMP Kampus Pekan dipilih sebagai tapak sambutan HHA Peringkat Kebangsaan Tahun 2013 bagi memberi peluang kepada golongan siswa siswi, pelajar-pelajar sekolah dan masyarakat setempat untuk bersama-sama mewujudkan suasana kehijauan dan kecintaan terhadap hutan dengan pelbagai acara yang disediakan seperti penanaman pokok.

Majlis perasmian sambutan HHA telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang yang diiringi oleh YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahim bin Nik, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar) yang mewakili YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia (NRE) dan YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Majlis ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan penglibatan siswa siswi, jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, sekolah dan komuniti setempat. Majlis dimulakan dengan persembahan nyanyian lagu Negaraku, Lagu Allah Selamatkan Sultan Kami dan Warisan Hijau oleh kumpulan koir Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. Majlis turut dimeriahkan dengan pameran-pameran oleh jabatan dan agensi kerajaan di bawah NRE dan badan bukan kerajaan di dalam aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Selain itu, Karnival Bertemu Pelanggan turut diadakan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti pemeriksaan kesihatan dan derma darah. Pertandingan meneka berat balak dan bilangan biji benih juga diadakan bagi meningkatkan pengetahuan sekaligus mewujudkan persaingan di kalangan tetamu yang hadir.

Kemuncak Majlis Sambutan HHA Peringkat Kebangsaan Tahun 2013 ini adalah upacara penanaman pokok. Upacara penanaman pokok ini melibatkan penanaman sebanyak 929 pokok yang terdiri daripada enam (6) spesies iaitu Beruas, Merawan siput jantan, Bunga Tanjung, Kelat jambu laut, Bintangor laut dan Asoka. Program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan bersempena dengan sambutan HHA ini telah meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan hutan yang dapat memberi manfaat kepada kesejahteraan hidup masyarakat setempat.

The theme for IDF 2013, 'Forests for Community Livelihood' coincides with the efforts to increase public awareness on the importance of conserving and preserving the country's forests for the livelihood and socio-economic development of the community. The Kampus Pekan area of UMP was chosen as the National Level IDF 2013 celebration as it provides opportunities for the undergraduates, students and the local communities to come together to create a green environment and a spirit of love for the forest with a variety of events, such as tree planting.

The IDF event was officiated by YAB Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, Menteri Besar of Pahang, accompanied by YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahim bin Nik, Deputy Secretary-General (Environment), representing the Minister of Natural Resources and Environment (NRE) and YBhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Director-General of Forestry Peninsular Malaysia. The event received overwhelming response with the participation of students, government departments and agencies, NGOs, schools and local communities. The celebration began with the singing of the Negaraku, Allah Selamatkan Sultan Kami and Warisan Hijau by the Pahang State Forestry Department's choir. The event was also celebrated by exhibitions on the aspect of conservation and preservation of the environment from the government departments and agencies under NRE and NGOs. Besides that, 'Meeting the Clients' carnival was also held with a variety of exciting activities such as health screening and blood donation. Competitions 'to guess the weight of timber' and 'number of seeds' were held to enhance knowledge, while creating competition among the guests.

The highlight of the National Level IDF 2013 celebration was the tree planting ceremony. It involves the planting of 929 trees from six (6) species, such as Beruas, Merawan siput jantan, Bunga Tanjung, Kelat jambu laut, Bintangor laut and Asoka. The programs and activities conducted in conjunction with IDF had raised public awareness on the importance of forests that are beneficial to the livelihood of the local communities.



Penyampaian cenderahati Menteri Besar Pahang oleh KPPSM
Handing of memento to the Menteri Besar of Pahang by DGFPM



Barisan tetamu kehormat dan jemputan
Guest of honour and invitees



Penanaman pokok oleh KPPSM
Tree planting by DGFPM



Ketibaan Menteri Besar Pahang sempena Majlis Perasmian Sambutan HHA Peringkat Kebangsaan Tahun 2013
Arrival of the Menteri Besar of Pahang in conjunction with the Opening Ceremony of the National Level IDF 2013 Celebration



Pemeriksaan kesihatan yang turut diadakan sempena Karnival Bertemu Pelanggan semasa Sambutan HHA Peringkat Kebangsaan Tahun 2013
Medical examination that was also held in conjunction with "Meeting the Clients" Carnival during the National Level IDF 2013 Celebration

Skuad Bermotosikal Penguatkuasaan Hutan

Forest Enforcement Motorcycle Squad

Ke arah meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan hutan terutamanya bagi membanteras kegiatan pembalakan haram, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menubuh dan melancarkan Skuad Bermotosikal Penguatkuasaan Hutan pada 29 Ogos 2013. Majlis pelancaran skuad bermotosikal ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, Timbalan Menteri NRE yang disusuli dengan majlis agihan tiga belas (13) buah motosikal kepada Jabatan-Jabatan Perhutanan Negeri.

Towards enhancing the effectiveness of forest enforcement mainly to combat illegal logging, the Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) has established and launched the Forest Enforcement Motorcycle Squad on 29 August, 2013. The motorcycle squad launching ceremony was officiated by YB. Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, Deputy Minister of NRE and followed by the distribution of thirteen (13) units of motorcycle to the State Forestry Departments.



Majlis pelancaran Skuad Bermotosikal Penguatkuasaan Hutan
Forest Enforcement Motorcycle Squad Launching Ceremony

Perolehan motosikal lasak ini merupakan kelengkapan baru dalam usaha memantapkan lagi *Flying Squad* dalam melaksanakan tugas seperti mana yang telah dirancang dalam Pelan Tindakan Menangani Pembalakan Haram Sifar 2011-2015. Rondaan yang efisien dan efektif dapat dilaksanakan kerana unit bermotor ini boleh melakukan aktiviti penguatkuasaan ke lokasi-lokasi *hotspot* yang sukar dicapai melalui kenderaan darat pacuan empat roda. Pendekatan ini adalah selaras dengan konsep penguatkuasaan secara *Visible Enforcement Concept* yang diamalkan oleh JPSM.

Usaha-usaha yang dimulai di peringkat persekutuan ini telah dimantapkan lagi oleh Jabatan-Jabatan Perhutanan Negeri dengan menambah bilangan motosikal lasak bagi aktiviti penguatkuasaan di lapangan. Adalah diharapkan skuad bermotosikal ini dapat membendung kejadian kesalahan hutan terutamanya kes-kes pembalakan haram.

The procurement of these rough motorcycles as new equipment are efforts taken to strengthen the *Flying Squad* in performing their duties as chartered in the *Zero Illegal Logging Action Plan 2011-2015*. Efficient and effective patrols could be implemented because the motorcycles are able to perform enforcement activities in hotspot areas that are difficult to access by four-wheel drive vehicles. This approach is consistent with the *Visible Enforcement Concept* practiced by FDPM.

The efforts initiated at the federal level have been enhanced by the State Forestry Departments with the additional rough motorcycles in conducting field enforcement activities. It is expected that the motorcycle squad would be able to curb the incidence of forest offences, particularly illegal logging.



Rondaan oleh Skuad Bermotosikal Penguatkuasaan Hutan
Patrol by the Forest Enforcement Motorcycle Squad

Rondaan penguatkuasaan ke kawasan terpencil yang tidak tercapai dengan pacuan empat roda
Patrols to remote areas that are not reachable by four-wheel drive vehicle





PROFIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

STATE FORESTRY DEPARTMENT'S PROFILE



Khazanah Hutan Forest Treasures

Senjata

Wec



Khazanah Asli Dan Warisan

bagi satu komuniti yang hidup dalam hutan dengan meliputi khazanah alam Peranan

(vii) Mengawal hakisan

Tumbuhan semula jadi juga berfungsi sebagai penghalang hakisan semulajadi yang efektif. Alat-kumbuhan mencengkam dan mengikat tanah selamanya membantu menstabilkan tanah, terutama di kawasan cemar yang curam.

(viii) Eko-pelancongan

Eko-pelancongan adalah usaha kerajaan untuk melindungi dan memulihara alam sekitar sambil mempromosikan pelancongan. Eko-pelancongan juga dirangka untuk mempromosikan dan mengawal persekitaran berdasarkan

Forest as a heritage

Forests as a heritage



Modern Alirama Bekau
Diorama hutan Paya Laut
Jenis - jenis Bakau

paya Laut
Mangrove

Manfaat Paya Laut
Perkembangan Sistem Pengurusan
Persekitaran Paya Laut
Mendukung Paya Laut
Mendukung Paya Laut
Mendukung Paya Laut




SEMENANJUNG MALAYSIA

PENINSULAR MALAYSIA

Kayu
Chengal
Chengal Timber





Negeri/State	JOHOR DARUL TAKZIM
Ibu Negeri State Capital	JOHOR BAHRU
Alamat/Address	Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Bangunan Dato' Mohammad Ibrahim Munsyi, Kota Iskandar, 79660 Nusajaya, Johor
No. Tel./Tel. No.	07-266 7433
No. Faks/Fax No.	07-266 1288
Pengarah/Director	Yahaya bin Mohamood
